

09/06/2001

PM syor mata wang khas

Jamhariah Jaafar in Tokyo

TOKYO, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan pembentukan satu mata wang khas antarabangsa yang bukan dimiliki sesebuah negara dan boleh digunakan bagi pembayaran semua perdagangan antarabangsa.

Perdana Menteri juga berharap sejenis levi dikenakan ke atas pedagang mata wang bagi memastikan aktiviti mereka yang semata-mata mahu mengaut keuntungan tanpa memberi sebarang faedah kepada negara mangsa dapat dikekang.

"Kedua-dua cadangan itu bertujuan memastikan krisis kewangan yang teruk menjejaskan kedudukan ekonomi Asia Timur baru-baru ini tidak berulang, selain konsep sebenar globalisasi dapat direalisasikan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptamanya bertajuk 'Melangkaui Globalisme dan Globalisasi' pada Persidangan Antarabangsa Nikkei Ketujuh bagi Masa Depan Asia di sini.

Dr Mahathir yang juga pemangku Menteri Kewangan berkata, kadar pertukaran mata wang tempatan sepatutnya berasaskan kepada mata wang antarabangsa itu.

"Mata wang tidak patut langsung diperdagangkan sebagai komoditi. Tidak sebuah negara pun yang patut menguasai kewangan dan perdagangan antarabangsa," katanya.

Mengulas lanjut mengenai cadangan itu ketika sesi dialog, Dr Mahathir berpendapat mata wang khas itu tidak boleh diambil daripada mana-mana negara kerana permintaan untuk mata wang berkenaan sudah pasti besar.

"Ia mesti mata wang yang dicipta khas untuk kegunaan seluruh dunia. Saya tidak tahu betapa praktikalnya cadangan ini tetapi mata wang terbabit mesti menjadi milik satu kumpulan negara besar seperti Asia.

"Ia akan menjadi satu mata wang yang berkecuali dan tidak akan memberi faedah khusus hanya untuk sesebuah negara saja," katanya.

Beliau berkata, mata wang khas ini antara lain boleh digunakan untuk pembayaran bagi semua perdagangan antarabangsa dan pendapatan daripadanya perlu disimpan segera di bank pusat sesebuah negara dan mata wang tempatan dikeluarkan bagi urus niaga tempatan.

Dr Mahathir berkata, jika ada keperluan untuk menilai semula (mata wang tempatan) berbanding mata wang antarabangsa, satu panel bank pusat dan bank antarabangsa perlu menentukan kadar pertukaran yang sesuai.

Mengenai levi yang patut dikenakan terhadap pedagang mata wang yang membuat keuntungan, Perdana Menteri berkata, adalah lebih adil bagi kumpulan terbabit menyumbang sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi kepada negara yang telah dikaut keuntungannya.

"Sistem kewangan dalam dunia globalisasi sekarang berada dalam lingkungan aliran modal bebas. Mereka yang mendapat keuntungan daripada aliran seumpama itu mesti bersedia untuk membayar satu levi global dan ia mesti berdasarkan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sesebuah negara," katanya.

Beliau berkata, levi itu yang boleh ditadbir sebuah agensi antarabangsa, antara lain akan membantu negara miskin terutama bagi membina kemudahan infrastruktur mereka.

Untuk bertindak adil, Dr Mahathir berkata, pedagang misalnya kontraktor pembinaan antarabangsa, perlu turut memastikan subkontrak dan bekalan diserahkan kepada kontraktor tempatan.

"Dengan ini faedahnya dapat diagihkan dengan lebih adil. Infrastruktur yang dibina akan membolehkan produk dieksport dan diimport pada kadar

lebih rendah. Perdagangan dunia sudah pasti akan berkembang dan kemiskinan dapat dibasmi.

"Secara keseluruhan, levi akan menjadi satu formula menang-menang. Tidak ada siapa yang akan rugi. Seluruh dunia akan mendapat manfaatnya. Negara miskin boleh menjadi semakin maju dan benar-benar menjadi sebahagian daripada dunia globalisasi.

"Ketika itu, globalisasi akan menjadi sungguh bermakna kerana ia akan membabitkan seluruh dunia," katanya.

(END)